



AIR banjir melimpahi sebahagian besar kawasan Kampung Damai Serendah, Hulu Selangor pada 20 Mac lalu. - GAMBAR IHSAN PEMBACA

Kerap terperangkap banjir

SAUDARA PENGARANG,

SAYA mewakili penduduk Kampung Damai Serendah, Hulu Selangor meminta jasa baik pihak berwajib agar segera mengatasi masalah banjir kilat di kawasan penempatan kami.

Setiap kali hujan lebat pasti rumah kami dilimpahi air banjir yang pernah mencecah ketinggian dua meter sebelum ini sehinggakan saya sendiri pernah terperangkap dan tidak dapat keluar mendapatkan bantuan.

Beberapa penduduk lain

juga pernah terperangkap seperti saya kerana air banjir naik terlalu pantas dan kami tidak sempat menyelamatkan barang rumah termasuk alat telekomunikasi.

Kali terakhir banjir teruk adalah pada 20 Mac lalu tetapi boleh dikatakan setiap kali guruh berbunyi kami mula berasa takut berlaku banjir kilat lagi. Saya harap ada mana-mana pihak akan ambil maklum dan bantu kami atasi masalah ini secepat mungkin.

VINCENT YAP

Serendah, Selangor